

12 JUL 2004

Abdullah-Pemaju/I

PERDANA MENTERI ARAH PEMAJU SEDIAKAN RUMAH BERKUALITI

KUALA LUMPUR, 12 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata pemaju-pemaju perumahan perlu mengkaji falsafah perumahan, di samping meletakkan sasaran untuk membina rumah-rumah yang berkualiti bagi meningkatkan kualiti kehidupan, pada harga yang berpatutan.

Beliau berkata para pemaju perlu meningkatkan minda mereka dalam merancang, merekabentuk dan membangunkan kawasan-kawasan perumahan serta bandar.

"Apabila Malaysia semakin maju dan orang ramai sudah menjadi semakin mewah serta lebih arif, kualiti kehidupan harus menjadi objektif penting kepada pembangunan sesebuah bandar atau kawasan perumahan.

"Sebagai pemaju perumahan, anda tidak seharusnya mengambil sikap bahawa tanggungjawab anda hanya membina rumah, semata-mata untuk menyediakan keperluan asas dan tempat berteduh kepada orang ramai sahaja," katanya pada satu majlis khusus sebagai penghormatan kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, yang dianjurkan oleh Persatuan Pemaju-pemaju Perumahan dan Hartanah (REHDA) di sini, hari ini.

Beliau berkata konsep untuk meningkatkan kualiti kehidupan bermakna pemaju-pemaju perumahan serta perbandaran, perlu berusaha menyediakan kemudahan-kemudahan yang mencukupi dan peluang-peluang ekonomi supaya membolehkan pembeli rumah lebih selesa.

Beliau berkata pembangunan perlu dicorakkan supaya dapat bertindak menjadi pemangkin kepada interaksi antara kalangan penduduk, supaya mereka dapat menghayati semangat sebenar kehidupan dalam sebuah masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia.

Perdana Menteri berkata perhatian yang mencukupi juga perlu diberikan kepada keperluan perumahan golongan-golongan khas seperti orang kurang upaya, ibu tunggal dan kumpulan berpendapatan rendah.

"Ia termasuk akses yang mudah kepada pengangkutan, sekolah dan hospital," katanya.

Selain itu, Abdullah berkata pemaaju juga perlu memikirkan cara untuk memastikan keselamatan para penduduk terjamin.

Semasa mengulas lebih lanjut, beliau berkata kualiti perumahan juga bermakna pemaaju perlu memberi perhatian lebih kepada kualiti pembinaan sebenar rumah.

"Ini termasuk penyelenggaraan bangunan selepas ia disiapkan," katanya.

Abdullah berkata beliau percaya sektor swasta perlu memainkan peranan lebih aktif dan bertanggungjawab untuk membaiki lagi sistem penyediaan rumah yang sedia ada.

"Saya perlu ingatkan pemaaju dan semua pihak terbabit dalam proses penyediaan rumah bahawa mereka berada di tempat yang mereka ada sekarang ini, adalah di sebabkan oleh pembeli rumah. Pemaaju tidak seharusnya memandang ringan keperluan mereka dan mengkhianati kepercayaan pembeli rumah," katanya.

Abdullah turut menasihatkan pemaaju supaya menjalankan penyelidikan yang sesuai berhubung pasaran dan sentiasa berhati-hati sebelum melancarkan projek mereka dalam usaha meminimalkan risiko inventori tidak terjual yang akhirnya akan menambah kepada penawaran yang berlebihan dalam pasaran.

Terdahulu semasa menyampaikan penghormatannya terhadap kepimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad. Abdullah berkata memang kena pada tempatnya bagi industri itu untuk memberikan penghormatan khas kepada bekas pemimpin negara itu atas usaha-usahanya mengubah wajah Malaysia kepada sebuah negara yang modern dan progresif.

Beliau menambah bahawa Malaysia memperolehi kemajuan dan pembangunan yang amat pesat semasa Dr Mahathir memegang jawatan Perdana Menteri.

Abdullah turut melancarkan Institut REHDA, yang merupakan jentera utama REDHA dalam aspek pembangunan intelektual, penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta latihan.

-- BERNAMA

WNZ NZR HM AZH

